



PANDUAN CUKAI PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN ATAU PEMBAIKAN

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Bahagian Cukai Dalam Negeri

Putrajaya

29 Mac 2024

Penerbitan

Tarikh: 29 Mac 2024

Panduan Perkhidmatan Penyenggaraan atau Pembaikan ini menggantikan Panduan Perkhidmatan Penyenggaraan atau Pembaikan yang bertarikh 26 Februari 2024.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang berkaitan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari panduan ini. Semua maklumat adalah terkini semasa penyediaannya dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Pengenaan dan Skop Cukai	1
Perkhidmatan Penyenggaraan atau Pembaikan	3
Layanan Cukai Perkhidmatan ke Atas Perkhidmatan Penyenggaraan dan Pembaikan.....	4
Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai	4
Perkhidmatan Yang Tidak Tertakluk Cukai Perkhidmatan	9
Nilai Perkhidmatan Bercukai	10
Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang yang Berdaftar	11
Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa	13
Pengecualian daripada Membayar Cukai Perkhidmatan	14
Isu Peralihan	15
Soalan-Soalan Lazim	18
Pertanyaan	19
Bantuan dan Maklumat Lanjut Mengenai SST	19
Ringkasan Pindaan pada Dokumen.....	20

PENGENALAN

1. Cukai perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah pada 1 September 2018.

2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - 2.1. Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau

 - 2.2. Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019)

3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan hendaklah mendaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai “orang berdaftar” yang perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.

5. Panduan ini disediakan untuk membantu anda memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

6. Penyediaan apa-apa perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan termasuk pengurusan penyenggaraan, penyenggaraan pembetulan, penyenggaraan pencegahan, penentukuran, penyesuaian, pemulihan semula, susun semula atau baik pulih adalah

tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang dinyatakan di bawah butiran (n), ruang (2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

7. Tarikh penguat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan adalah mulai 26 Februari 2024.

8. Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan adalah suatu perkhidmatan bercukai berkuat kuasa mulai 1 September 2018 di bawah Jadual Pertama, Kumpulan G, Ruang (2), butiran (i)(iv), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Berkuat kuasa mulai 26 Februari 2024, perkhidmatan pengurusan penyenggaraan dipindahkan dari butiran (i)(iv) Ruang (2), Butiran (g), Kumpulan G ke butiran (n) di dalam kumpulan yang sama.

9. Perkhidmatan penentukuran (*calibration*) adalah suatu perkhidmatan bercukai di bawah Jadual Pertama, Kumpulan G, Ruang (2), butiran (g), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu perkhidmatan perundingan berkuat kuasa mulai 1 September 2018. Berkuat kuasa mulai 26 Februari 2024, perkhidmatan penentukuran (*calibration*) menjadi perkhidmatan bercukai di bawah butiran (n) di dalam kumpulan yang sama.

10. Selaras dengan pindaan Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024, perkhidmatan pengurusan penyenggaraan adalah merupakan sebahagian daripada perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan.

11. Perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di Butiran 5, Perkhidmatan servis atau pembaikan kenderaan bermotor dan Butiran 13, Perkhidmatan pembersihan, Ruang (2), Kumpulan I adalah tidak termasuk di bawah skop perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan ini. Panduan ini hendaklah dibaca bersama Panduan Servis atau Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Panduan Perkhidmatan Pembersihan.

PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN ATAU PEMBAIKAN

12. Perkhidmatan penyenggaraan merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh penyedia perkhidmatan untuk memelihara, menjaga, mengendali, mengawal selia, mencegah, memulih atau mengurus sesuatu bangunan, barang, tanah atau sistem supaya dapat berfungsi dengan baik dan efektif, memenuhi piawaian semasa, meningkatkan keadaan dan prestasi, memanjangkan jangka hayat, meningkatkan produktiviti, selamat, meminimumkan risiko kerosakan, kemalangan dan lain-lain.

13. Perkhidmatan penyenggaraan boleh merangkumi pelbagai bidang perkhidmatan seperti penyenggaraan peralatan, pengurusan fasiliti, penyenggaraan jalan raya, penyenggaraan komputer atau teknologi maklumat, penyenggaraan telefon, penyenggaraan padang, penyenggaraan longkang dan parit, penyenggaraan sistem dan lain-lain penyenggaraan yang berkaitan bangunan, tanah, barang dan sistem.

14. Perkhidmatan pembaikan merujuk kepada aktiviti membaiki, membetulkan atau memulih sesuatu bangunan, barang, tanah atau sistem yang rosak, tidak berfungsi, atau memerlukan penyenggaraan. Perkhidmatan pembaikan adalah merupakan sebahagian daripada perkhidmatan penyenggaraan.

15. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, aktiviti – aktiviti disenaraikan dibawah termasuk di dalam kategori penyenggaraan Pembaikan (*Corrective Maintenance*) atau perkhidmatan pembaikan:

- (i) Penentukuran (Calibrate)
- (ii) Penyesuaian (adjustment)
- (iii) Pemulihan semula (recondition)
- (iv) Susun semula (reconfigure)
- (v) Baik pulih (overhaul)

*** senarai di atas adalah tidak terhad

16. Keperluan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan adalah penting dalam menjaga prestasi dan keselamatan sesuatu bangunan, barang, tanah atau sistem. Perkhidmatan ini juga membantu menghindari kerosakan yang tidak dijangka dan menjamin bangunan, barang, tanah atau sistem berfungsi dengan baik dalam jangka masa yang lama.

17. Secara umumnya terdapat dua (2) jenis perkhidmatan penyenggaraan iaitu perkhidmatan penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) dan perkhidmatan penyenggaraan pembetulan (*corrective maintenance*).

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

A. Perkhidmatan penyenggaraan pencegahan (*Preventive maintenance*)

18. Perkhidmatan penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) adalah aktiviti penyenggaraan yang dirancang untuk mencegah daripada berlakunya kerosakan. Perkhidmatan penyenggaraan ini dilaksanakan secara rutin, berjadual atau berkala.

Contoh 1 :

Syarikat ABC menandatangani kontrak penyenggaraan kuarters bersama JKR Selangor selama 24 bulan. Skop kerja yang perlu dilakukan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kerja rutin dan kerja pembaikan (mekanikal, sivil & elektrik). Kerja rutin merupakan kerja pemotongan rumput, pengasapan (kawalan serangga perosak) dan pemotongan pokok pagar. Kerja-kerja rutin tersebut perlu dilakukan sebanyak sekali setiap dua bulan. Kerja-kerja rutin ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Manakala kerja pembaikan ke atas kuarters kediaman akan dilakukan apabila terdapat aduan dari penghuni kuarters. Perkhidmatan pembaikan ke atas bangunan kediaman adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 2 :

Syarikat Cuci Bersih Enterprise (CBE) menandatangani kontrak perkhidmatan mencuci dan membersihkan semua bangunan serta penyelenggaraan kawasan & landskap di Fakulti Perubatan Universiti Selatan Malaysia. Kontrak mempunyai dua (2) bahagian iaitu perkhidmatan pembersihan dan perkhidmatan penyelenggaraan. Bagi perkhidmatan pembersihan, syarikat CBE perlu membersihkan bangunan dengan mencuci dan menyapu lantai dan longkang serta mengelap tingkap. Kerja ini perlu dilakukan setiap hari dan bayaran dilakukan setiap bulan. Begitu juga dengan kerja penyelenggaraan kawasan dan lanskap. Syarikat CBE perlu melakukan aktiviti penyelenggaraan seperti merumput dan menggembur, membaja, mencantas, menyiram, mengawal perosak dan penyakit tanaman, merumpai, merumput dan lain-lain. Kerja ini perlu dilakukan setiap hari dan bayaran juga dibuat setiap bulan.

Bagi kontrak ini, perkhidmatan pembersihan akan bercukai di bawah perkhidmatan pembersihan manakala perkhidmatan penyelenggaraan kawasan dan lanskap bercukai di bawah perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan.

Contoh 3 :

Syarikat DEF telah mendapat kontrak Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Penghawa Dingin (Kontrak Berkala) Di Muzium Sungai Pedang, Pahang daripada Jabatan Muzium Malaysia. Antara skop kerja yang perlu diberikan oleh syarikat DEF adalah memeriksa bebola kipas dan menilai keperluan untuk meletakkan minyak pelincir, memeriksa pemampat sedutan dan pelepasan tekanan, membersihkan dan

menyelenggara penapis udara, memastikan penapis tidak berbau dan dibersihkan, memastikan gegelung penyejat tertutup bersih, vakum sistem perparitan, memastikan kondenser gegelung luar dan pengujian serta semakan sistem secara rutin. Kerja-kerja tersebut perlu dilakukan setiap dua bulan sekali.

Jika terdapat sebarang kerosakan, syarikat perlu membuat laporan kerosakan dan menyatakan peralatan / alat ganti yang perlu diganti. Sebarang aktiviti pembaikan dan penggantian alat ganti perlu mendapat kelulusan pihak Jabatan Muzium Negara. Harga kontrak tidak termasuk kos-kos pembaikan dan penggantian alat ganti.

Perkhidmatan penyelenggaraan pencegahan yang diberikan oleh Syarikat DEF adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 4 :

Syarikat FGH mendapat kontrak penyelenggaraan jalan – jalan negeri di Selangor Darul Ehsan (Daerah Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang) dengan Kerajaan Negeri Selangor. Kontrak dibahagi kepada 4 bahagian kerja dan nilai iaitu kerja-kerja awalan (*preliminaries work*), *routine maintenance works*, *periodic maintenance work* dan *emergency works*.

Kerja-kerja awalan (*preliminaries work*) mengandungi perkara-perkara yang perlu disediakan oleh Syarikat FGH seperti *performance bond*, polisi insurans, bayaran PERKESO dan lain-lain. *Routine works* pula adalah kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan. *Periodic works* adalah kerja-kerja penambahbaikan (*upgrading*) atau pembaikan. Manakala *emergency works* adalah kerja-kerja pembaikan ke atas jalan raya yang perlu dilakukan apabila berlaku apa-apa bencana yang tidak terduga.

Kerja-kerja awalan (*preliminaries work*) tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan manakala *routine maintenance works*, *periodic maintenance work* dan *emergency*

works merupakan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 5 :

Satu perkakasan pemantauan tekanan air telah dibangunkan oleh Syarikat TYU untuk Jabatan Air Perak. Oleh yang demikian, Syarikat TYU dilantik untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan perkakasan pemantauan tersebut bagi tempoh 3 tahun. Syarikat TYU perlu memastikan yang perkakasan pemantauan tekanan air tersebut beroperasi pada tahap yang optimum dan membaiki semua kerosakan. Perkhidmatan penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

B. Perkhidmatan Penyenggaraan pembedulan (*Corrective maintenance*) atau Perkhidmatan pembaikan.

19. Penyenggaraan pembedulan (*corrective maintenance*) atau perkhidmatan pembaikan adalah bersifat kecemasan, *ad hoc*, *upon request* atau tidak berjadual.

20. Perkhidmatan pembaikan adalah proses mengembalikan sesuatu produk kepada keadaan asal atau lebih baik dengan cara menggantikan barang yang rosak atau menambah baik spesifikasi sedia ada.

Contoh 6 :

Syarikat JKL menandatangani satu kontrak penyenggaraan struktur platform dengan Syarikat Petrolkita Berhad yang bersifat "*call-up contract*". Kontrak tersebut terdiri daripada perintah kerja sepanjang tempoh kontrak dan nilai pesanan kerja adalah

berdasarkan jadual kadar nilai perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Perkhidmatan penyenggaraan pembaikan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 7 :

Syarikat Techno Sdn Bhd (TSB) melantik Syarikat Fambam IT Sdn Bhd (FITSB) untuk melakukan penyenggaraan peralatan ICT milik TSB dipejabatnya seperti komputer peribadi, komputer riba, projektor, pencetak dan peralatan rangkaian (LAN). Berdasarkan kontrak, FITSB akan menerima aduan dan maklumat kerosakan melalui sistem. Kerja penyenggaraan akan bermula selepas *contract order* (CO) dikeluarkan oleh TSB. Perkhidmatan pembaikan yang disediakan oleh FITSB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 8 :

Karim mempunyai alat pengesan gas di dapur milik restorennya. Setiap tahun, dia akan memanggil Syarikat QWERTY Sdn Bhd untuk menyelenggara alat pengesan gasnya dengan melakukan penentukuran terhadap alat pengesan gas tersebut. Karim melakukan penentukuran terhadap alat tersebut hanya untuk memastikan yang alat pengesan gas tersebut berfungsi dengan baik. Tiada sebarang laporan atau sijil dikeluarkan oleh Syarikat QWERTY. Perkhidmatan penentukuran tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 9 :

Syarikat CVB perlu menjalankan perkhidmatan penentukur ke atas mesin x-ray milik Hospital Tun Rafidah, Tanjung Malim, Perak dan mengeluarkan laporan. Laporan

tersebut akan digunakan bagi mendapatkan sijil daripada JKPP. Perkhidmatan penentukur tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 10 :

Atan mempunyai sebuah mesin gerudi yang telah lama tidak digunakan dan rosak. Dia telah menghantar mesin tersebut kepada Copco Enterprise untuk dibaik pulih (*overhaul*). Copco Enterprise telah melakukan kerja-kerja baik pulih seperti menggantikan semula alat ganti yang haus dan mengecat semula mesin gerudi tersebut. Selepas dibaik pulih, mesin gerudi tersebut menjadi seperti baharu dan dapat digunakan semula. Perkhidmatan membaik pulih yang diberikan oleh Copco Enterprise adalah suatu perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Yang Tidak Tertakluk Cukai Perkhidmatan

21. Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan berkaitan tanah atau bangunan bagi kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 11 :

Palma JMB adalah badan pengurusan bersama yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 bertanggungjawab dalam menguruskan dan menyenggara bangunan kediaman Palma Residence. Palma JMB akan mengenakan caj pengurusan kepada pemilik parcel unit di Palma Residence. Caj tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

22. Perkhidmatan pembaikan bagi bangunan kediaman.

Contoh 12 :

Raudhah telah memanggil tukang paip untuk menyelesaikan masalah paip tersumbat rumahnya. Tukang paip mendapati terdapat batu yang menghalang laluan air masuk ke dalam bilik air rumah Raudhah. Tukang paip mengeluarkan batu tersebut dengan prosedur tertentu. Perkhidmatan pembaikan yang diberikan oleh tukang paip kepada Raudhah adalah tidak bercukai kerana perkhidmatan pembaikan ke atas bangunan kediaman.

Contoh 13 :

Rumah kediaman 3 tingkat milik Nazeera dilengkapi lif. Nazeera mendapatkan perkhidmatan Syarikat Odis Sdn. Bhd. untuk melakukan pembaikan ke atas lif tersebut. Perkhidmatan pembaikan ke atas lif tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 14 :


Televisyen di rumah kediaman Hamdan mengalami kerosakan. Perkhidmatan pembaikan ke atas televisyen tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

NILAI PERKHIDMATAN BERCUKAI

23. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, nilai perkhidmatan bercukai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diberikan. Sila rujuk Panduan Umum Cukai Perkhidmatan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG BERDAFTAR

24. Bagi tujuan pendaftaran di bawah ACP 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan hendaklah membuat pengiraan ke atas jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan semasa dan sebelas bulan ke hadapan. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dimohon tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya.



Ilustrasi 1

25. Berdasarkan Ilustrasi 1 di atas, jika nilai ambang telah dicapai pada bulan Jun, tempoh pendaftaran adalah sepanjang bulan Julai. Pendaftaran akan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2024 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(3), ACP 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Ogos 2024.



Ilustrasi 2

26. Berdasarkan Ilustrasi 2, mana-mana orang yang telah menjadi orang berdaftar di dalam Jadual Pertama, Kumpulan G sebelum 26 Februari 2024 dan memberi perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan tidak perlu membuat pendaftaran baru. Orang berdaftar tersebut hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan mulai 26 Februari 2024.

27. Mana-mana orang yang telah menjadi orang berdaftar selain dari Kumpulan G sebelum 26 Februari 2024 serta memberi perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan di mana nilai perkhidmatan bercukai bagi tempoh 26 Februari 2024 dan sebelas bulan ke hadapan dijangka melebihi nilai ambang ditetapkan, penambahan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan hendaklah dibuat pada 26 Februari 2024 di dalam sistem MySST. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan hendaklah dikenakan mulai 26 Februari 2024.

28. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan inoivis kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa

transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;

- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik/manual dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

29. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

CUKAI PERKHIDMATAN YANG GENAP MASA

30. Cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan perlu diikrar dan dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia apabila bayaran telah diterima daripada pelanggan.

Contoh 15 :

Wolf Maintenance Sdn Bhd (WMSB) merupakan sebuah syarikat perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan. WMSB selaku orang berdaftar cukai perkhidmatan memberikan perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan kepada Syarikat Yess Sdn Bhd (SYSB) pada Oktober 2024 di mana cukai perkhidmatan dikenakan. WMSB telah mengeluarkan invois kepada SYSB pada 1 Oktober dan SYSB membuat 50% bayaran pada Disember 2024. Bagi perkhidmatan yang diberikan kepada SYSB, WMSB akan membuat pengikraran dan pembayaran cukai perkhidmatan pada bulan Januari 2025 (bagi tempoh bercukai November – Disember) ke atas 50% bayaran diterima pada Disember 2024 sahaja.

31. Walau bagaimanapun, dibawah seksyen 11(2), ACP 2018 sekiranya tiada sebarang bayaran diterima 12 bulan dari tarikh perkhidmatan bercukai itu diberikan, maka

adalah menjadi tanggungjawab orang berdaftar untuk mengakaun dan membuat bayaran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas nilai bayaran yang belum diterima.

Contoh 16 :

Merujuk kepada contoh 16 di atas, LWMB masih tidak menerima baki bayaran sehingga 1 Oktober 2025 ke atas invois yang dikeluarkan pada 1 Oktober 2024. WMSB adalah bertanggungjawab untuk membuat pengikraran dan bayaran cukai perkhidmatan pada penyata November 2025 kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas baki bayaran 50% yang belum dibayar oleh pelanggan kepada LFSB.

PENGECUALIAN DARIPADA MEMBAYAR CUKAI PERKHIDMATAN

32. Bermula 1 Januari 2019, penyedia perkhidmatan di bawah Kumpulan G (tidak termasuk Butiran 10 dan 11), diberikan pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan sekiranya mereka memberikan perkhidmatan di bawah butiran yang sama dalam ruang (2) Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kepada pelanggannya seperti mana yang diterima. Pengecualian ini boleh digunakan tertakluk kepada syarat-syarat berikut seperti yang dinyatakan di bawah Butiran 1, Jadual, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018:

- 32.1. Perkhidmatan yang dikecualikan adalah perkhidmatan di bawah Kumpulan G (kecuali di bawah butiran j dan k);
- 32.2. Penyedia dan penerima perkhidmatan di bawah pengecualian ini adalah orang berdaftar;
- 32.3. Perkhidmatan bercukai yang dikecualikan adalah perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh orang yang dikecualikan daripada membayar cukai.

Contoh 17 :

Syarikat Altar Sdn Bhd (ASB) mengenakan caj perkhidmatan penyenggaraan terhadap perkhidmatan penyenggaraan bangunan kepada pelanggannya. ASB akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelanggannya.

Di dalam menyediakan perkhidmatan ini, ASB telah melantik suatu syarikat lain iaitu Syarikat Tengah Sdn Bhd (TSB) untuk menyediakan perkhidmatan penyenggaraan itu. Perkhidmatan penyenggaraan sebenarnya diberikan oleh TSB.

ASB layak menikmati pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan. TSB tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada PBA kerana PBA menyediakan perkhidmatan yang sama dengan TSB kepada pelanggannya.

33. Orang bercukai perlu mengikrarkan nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan tersebut di dalam ruang 18 (c) di dalam borang SST-02.

ISU PERALIHAN

34. Berdasarkan Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan bercukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

- (i) Dalam hal jika perkhidmatan bercukai tidak lagi dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dalam Jadual Pertama dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh sebelum tarikh perubahan itu.

- (ii) Dalam hal suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh perubahan itu.

Contoh 18 :

Syarikat Noni Maintenance Sdn Bhd telah menandatangani kontrak penyenggaraan mesin pembungkusan bernilai RM765,000.00 dengan Syarikat XYZ pada Ogos 2023 bagi menyediakan perkhidmatan penyenggaraan untuk tempoh Oktober 2023 sehingga September 2024. Syarikat Noni Maintenance Sdn Bhd mendaftar dengan JKDM pada September 2023. Syarikat Noni Maintenance Sdn Bhd akan mula mengenakan cukai perkhidmatan pada bulan Oktober 2023.

Syarikat XYZ akan membuat pembayaran ke atas perkhidmatan penyenggaraan yang diterima hanya selepas perkhidmatan diberikan. Perkhidmatan penyenggaraan bagi tempoh dari bulan Oktober 2023 sehingga Februari 2024 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan manakala bagi tempoh dari Mac 2024 sehingga tamat kontrak adalah suatu perkhidmatan bercukai.

- (iii) Dalam hal jika suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan sebelum tarikh perubahan itu apa-apa bayaran diterima berkaitan dengan perkhidmatan itu yang akan diberikan pada atau selepas tarikh perubahan itu, tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas bayaran yang diterima itu.

Contoh 19 :

Huda telah membayar caj pembaikan jubin lantai pejabatnya syarikat SS Enterprise pada bulan Disember 2023 untuk perkhidmatan pembaikan yang akan diberikan pada bulan Mei 2024. SS Enterprise telah menjadi orang berdaftar SST pada 1 Mei 2024. Bayaran yang diterima bagi perkhidmatan pembaikan yang diberikan kepada Huda adalah tidak tertakluk pada cukai perkhidmatan.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **S** : **Syarikat saya telah berdaftar di bawah Kumpulan G, Butiran (i), perkhidmatan pengurusan kerana menyediakan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan. Adakah saya perlu berdaftar semula?**

J : Tidak. Bagi yang telah berdaftar di bawah Kumpulan G, Butiran (i) tidak perlu membuat pendaftaran semula sebaliknya hanya perlu meminda maklumat pendaftaran kepada OKC di butiran 13 dan menambah maklumat perkhidmatan bercukai iaitu perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan.

2. **S** : **Berapakah nilai ambang bagi perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan?**

J : Nilai ambang bagi perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan adalah RM500,000.00.

3. **S** : **Bilakah pendaftaran penyedia perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan perlu di daftarkan?**

J : Penyedia perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan yang bertanggungjawab perlu membuat pendaftaran secara dalam talian bermula 26 Februari 2024 dengan mengemukakan borang SST-01 melalui sistem MySST.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

(i) Laman web SST: <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam:

- Hotline : 1-300-888-500
- Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
- E-mel : ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Pindaan 1/2024 - 29 Mac 2024

Para	Keterangan
Contoh 1	Pindaan editorial bagi membaiki dan menukar ayat bagi menjelaskan lagi maksud contoh 1.
Contoh 5	Pindaan editorial bagi membaiki dan menukar ayat bagi menjelaskan lagi maksud contoh 5.
	Menambah 2 contoh baru selepas Contoh 12.
Para 25	Pindaan editorial bagi membaiki dan menukar ayat bagi menjelaskan lagi maksud para 25.
Para 32	Dipotong
Contoh 15	Pindaan editorial